



**“KERJASAMA RAKYAT PEMANGKIN
KESEJAHTERAAN NEGARA”**
(20 Januari 2017 / 21 Rabiulakhir 1438)

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ:

﴿إِنَّ الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ أُولَٰئِكَ هُمْ خَيْرُ الْبَرِيَّةِ﴾ سورة البينة: ٧
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا وَنَبِيَّنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ خَاتَمِ
الْأَنْبِيَاءِ وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ
اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ وَطَاعَتِهِ لَعَلَّكُمْ تُرْحَمُونَ.

SIDANG JEMAAH YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Saya berpesan kepada diri saya dan menyeru sidang Jumaat yang dikasihi
sekalian, marilah sama-sama kita meningkatkan ketakwaan kepada Allah
SWT dengan bersungguh-sungguh melaksanakan segala perintah-Nya
dan meninggalkan segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kehidupan ini
mendapat keberkatan di dunia dan di akhirat. Khutbah pada hari ini akan
membicarakan tajuk: **“KERJASAMA RAKYAT PEMANGKIN
KESEJAHTERAAN NEGARA”** sempena Sambutan Hari Kastam
Sedunia kali ke -35.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Keamanan dan kesejahteraan di negara kita adalah berlandaskan kepada
konsep ‘Rule of law’ dan kedaulatan undang-undang. Oleh itu, apabila
keamanan dan kedaulatan negara diganggu gugat, maka setiap inci tanah

air ini perlulah dipertahankan mengikut undang-undang negara. Ancaman keselamatan, bukan sahaja melalui pencerobohan secara fizikal iaitu melalui tentera sesebuah negara atau sebagainya, tetapi termasuk penyeludupan hasil, sama ada ke luar negara atau ke dalam negara.

Justeru, apabila jenayah penyeludupan berlaku, ia akan memberi kesan kepada masalah sosial masyarakat seperti meningkatnya penagihan dadah, pembunuhan, gengsterisme dan seumpamanya. Lebih parah, ekonomi negara turut terjejas dan mengalami kerugian yang besar. Laporan statistik komoditi utama yang dirampas oleh pihak Kastam menunjukkan bahawa pada tahun 2016 iaitu sebanyak RM853 juta cukai terkorban akibat penyeludupan berbanding pada tahun 2015 sebanyak RM635 juta.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Dalam konteks ini, kerjasama seluruh anggota masyarakat membantu pihak penguatkuasa selaku pasukan yang bertanggungjawab menjaga, membangun dan mempertahankan negara adalah sangat diperlukan. Amalan ini bertepatan dengan tuntutan Islam iaitu melakukan *Amar makruf* (menyuruh yang baik) dan *Nahi mungkar* (mencegah yang mungkar) yang termasuk dalam kategori ibadah selari dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Maidah ayat 2:

﴿وَتَعَاوَنُوا عَلَى الْبِرِّ وَالتَّقْوَىٰ ۖ وَلَا تَعَاوَنُوا عَلَى الْإِثْمِ وَالْعُدْوَانِ

وَاتَّقُوا اللَّهَ إِنَّ اللَّهَ شَدِيدُ الْعِقَابِ﴾

Maksudnya: “Dan hendaklah kamu tolong menolong dalam mengerjakan kebajikan dan taqwa dan janganlah tolong menolong dalam berbuat dosa dan permusuhan. Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah sangat berat seksaNya.”

Oleh itu, dengan kepesatan dan kemajuan teknologi masa kini, maka masyarakat harus bekerjasama menyalurkan maklumat penyeludupan, aktiviti penyelewengan dalam perdagangan dan sebagainya dengan menggunakan apa-apa medium secara pantas kepada pihak penguatkuasa demi memelihara keselamatan, mempertahankan tanah air dan meningkatkan ekonomi negara.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Sememangnya, kita dituntut untuk memanfaatkan setiap nikmat yang diperoleh sebaik mungkin. Ini termasuklah memanfaatkan kemudahan teknologi yang Allah SWT kurniakan kepada kita. Namun, pada masa sama, kita perlu sedar bahawa nikmat ini juga adalah ujian buat kita sama ada beramal ke arah kebaikan atau sebaliknya. Yang pasti, semuanya akan dihisab oleh Allah SWT. Firman Allah SWT dalam Surah Al-Mulk ayat 2:

﴿الَّذِي خَلَقَ الْمَوْتَ وَالْحَيَاةَ لِيَبْلُوَكُمْ أَيُّكُمْ أَحْسَنُ عَمَلًا ۚ وَهُوَ الْعَزِيزُ الْغَفُورُ﴾

Maksudnya: “Dia lah Yang telah mentakdirkan adanya mati dan hidup (kamu) - untuk menguji dan menzahirkan keadaan kamu: siapakah di antara kamu Yang lebih baik amalnya; dan ia Maha Kuasa (membalas amal kamu), lagi Maha Pengampun, (bagi orang-orang Yang bertaubat);”

Alhamdulillah, kita bersyukur dilahirkan di bumi yang bertuah ini sebagai muslim yang bertanggungjawab memilih jalan yang memberi manfaat untuk umat sejagat. At-Thabrani meriwayatkan daripada Jabir bin Abdullah r.a bahawa Rasulullah SAW bersabda:

عَنْ جَابِرٍ، قَالَ: قَالَ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: الْمُؤْمِنُ يَأْلَفُ وَيُؤْلَفُ، وَلَا خَيْرَ فِيمَنْ لَا يَأْلَفُ وَلَا يُؤْلَفُ، وَخَيْرُ النَّاسِ أَنْفَعُهُمْ لِلنَّاسِ

Maksudnya: *“Daripada Jabir r.a bahawa: Rasulullah SAW bersabda: Orang beriman itu bersikap ramah, dan tidak ada kebaikan bagi mereka yang tidak bersikap ramah,. Dan sebaik-baik manusia, adalah mereka yang memberi manfaat kepada manusia lain.”*

Pesan Rasulullah SAW ini menjelaskan bahawa menjadi fitrah manusia akan memilih perkara yang menjurus kepada kebaikan untuk menjadikan kehidupannya aman, sekalipun mereka pernah melakukan maksiat atau dosa.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH SEKALIAN,

Mimbar yakin bahawa kerjasama erat antara rakyat dan pasukan penguatkuasa akan dapat menyekat lebih banyak jenayah penyeludupan yang merugikan bahkan memburukkan nama negara di mata dunia. Ini sekaligus akan menaikkan kepercayaan dan keyakinan rakyat kepada pasukan penguatkuasa. Justeru, pasukan penguatkuasa juga perlu memastikan aspek integriti, fizikal, rohani, ilmu pengetahuan, latihan, prasarana dan logistik mereka dipertingkatkan.

Sempena sambutan **Hari Kastam Sedunia kali ke-35** yang bertemakan **“Analisis Data Untuk Pengurusan Sempadan Berkesan”** yang disambut pada 26 Januari setiap tahun, maka mimbar menyeru sidang jemaah sekalian, marilah sama-sama kita bersatu dan bekerjasama mempertahankan negara, menyokong dan mempercayai segala usaha yang dilaksanakan oleh agensi penguatkuasaan negara demi memelihara keselamatan dan kedaulatan negara.

Insya-Allah, kedaulatan agama, bangsa dan negara akan terus terpelihara serta mendapat perlindungan Allah SWT. Sesungguhnya, kerjasama erat antara agensi penguatkuasa dan rakyat adalah pemangkin kepada keselamatan dan kedaulatan negara.

SIDANG JUMAAT YANG DIRAHMATI ALLAH,

Sebagai mengakhiri khutbah pada hari ini, mimbar ingin mengajak sidang Jumaat sekalian untuk menghayati intipati khutbah yang disampaikan sebagai pedoman di dalam kehidupan kita, antaranya:

Pertama: Penyaluran maklumat jenayah penyeludupan yang melanggar undang-undang negara dan syariat Islam, membawa kesejahteraan hidup masyarakat dan negara.

Kedua: Kerjasama masyarakat memelihara keselamatan rakyat dan negara daripada sebarang ancaman baru amat diperlukan.

Ketiga: Anggota penguatkuasa yang mempunyai nilai-nilai murni yang seimbang (rohani dan jasmani) dapat melindungi diri daripada anasir jahat yang mengugat kekuatan iman dan takwa.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ ﴿ وَضَرَبَ اللَّهُ مَثَلًا قَرْيَةً كَانَتْ ءَامِنَةً مُطْمَئِنَّةً يَأْتِيهَا رِزْقُهَا رَغَدًا مِّنْ كُلِّ مَكَانٍ فَكَفَرَتْ بِأَنْعُمِ اللَّهِ فَأَذَقَهَا اللَّهُ لِبَاسَ الْجُوعِ وَالْخَوْفِ بِمَا كَانُوا يَصْنَعُونَ ﴿

Maksudnya: “Dan Allah memberikan satu misalan; Sebuah negeri yang aman damai dan tenteram, yang didatangi rezekinya yang mewah dari tiap-tiap tempat, tetapi penduduknya kufurkan nikmat-nikmat Allah itu, maka Allah merasakannya kelaparan dan ketakutan disebabkan apa yang mereka telah lakukan.” (Surah an-Nahl: 112)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ بِالْقُرْءَانِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلْ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتُهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ حَمْدًا كَثِيرًا كَمَا أَمَرَ، أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، إِقْرَارًا بِرُبُوبِيَّتِهِ وَإِزْعَامًا لِمَنْ جَحَدَ بِهِ وَكَفَرَ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ سَيِّدُ الْجِنِّ وَالْبَشَرِ. اللَّهُمَّ فَصِّلْ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ الْمُصَاحِبِ الْغُرِّ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا النَّاسُ، اتَّقُوا اللَّهَ فِيمَا أَمَرَ، وَانْتَهُوا عَمَّا نَهَاكُمْ عَنْهُ وَحَذَرًا. وَاعْلَمُوا أَنَّ اللَّهَ أَمَرَكُمْ بِأَمْرٍ بَدَأَ فِيهِ بِنَفْسِهِ وَثَنَّى بِمَلَائِكَتِهِ الْمُسَبِّحَةِ بِقُدْسِهِ. فَقَالَ اللَّهُ تَعَالَى وَلَمْ يَزَلْ قَائِلًا عَلِيمًا: ﴿إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا صَلَّيْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ، وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ كَمَا بَارَكْتَ عَلَى سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ وَعَلَى آلِ سَيِّدِنَا إِبْرَاهِيمَ فِي الْعَالَمِينَ إِنَّكَ حَمِيدٌ مُجِيدٌ. وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنِ الْأَرْبَعَةِ الْخُلَفَاءِ الرَّاشِدِينَ سَادَاتِنَا أَبِي بَكْرٍ وَعُمَرُ وَعُثْمَانُ وَعَلِيٌّ ابْنِ أَبِي طَالِبٍ، وَعَنْ أَزْوَاجِ نَبِيِّنَا الْمُطَهَّرَاتِ مِنَ الْأَدْنَسِ وَعَنْ أَهْلِ بَيْتِهِ وَقَرَابَتِهِ وَعَنْ سَائِرِ الصَّحَابَةِ الْأَكْرَمِينَ، وَالتَّابِعِينَ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَارْضَ عَنَّا بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، وَأَلْفَ بَيْنَ قُلُوبِهِمْ وَأَصْلَحْ ذَاتَ بَيْنِهِمْ، وَاَنْصُرْهُمْ عَلَى عَدُوِّكَ وَعَدُوِّهِمْ. اللَّهُمَّ اَنْصُرْ سَلَاطِينَ الْمُسْلِمِينَ وَأَيِّدْهُمْ بِالتَّقْوَى وَالتَّوْفِيقِ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ، وَأَعْلِ كَلِمَةَ الْمُوحِدِينَ، وَأَدِمْ لَهُمُ الْعِزَّةَ وَالتَّمَكِينَ. اللَّهُمَّ اهْدِنَا سُبُلَ السَّلَامِ وَأَخْرِجْنَا مِنَ الظُّلُمَاتِ إِلَى النُّورِ، وَجَنِّبْنَا الْفَوَاحِشَ مَا ظَهَرَ مِنْهَا وَمَا بَطَّنَ.

اللَّهُمَّ أَنْزِلِ الرَّحْمَةَ وَالسَّكِينَةَ وَالسَّلَامَةَ وَالْعَافِيَةَ عَلَى عَبْدِكَ الْحَارِسِ لِشَرِيعَتِكَ مَلِكِنَا:
 كباوه دولي یغ مها مولیا سري قادوك بکیندا یغ دڤرتوان اکوڠ سلطان محمد کلیمَا
 وَعَلَى كُلِّ قَرَابَتِهِ أَجْمَعِينَ. أَصْلَحَ اللَّهُ مُلْكُهُ وَإِحْسَانَهُ وَفَيْضَ لَهُ عَدْلُهُ وَبَلَّغَهُ مِنَ الْخَيْرِ
 مَا شَاءَهُ. اللَّهُمَّ أَدِمِ الشَّرْعَ الشَّرِيفَ لَهُ وَلِوُزَرَائِهِ سَبِيلًا وَمِنْهَاجًا، وَارْزُقْهُمْ التَّوْفِيقَ
 لِكُلِّ خَيْرٍ وَاجْعَلْهُمْ سَرَاجًا وَهَّاجًا.

اللَّهُمَّ اجْعَلْ مَالِيزِيَا وَسَائِرَ بِلَادِ الْمُسْلِمِينَ طَيِّبَةً آمِنَةً مُطْمَئِنَّةً رَخِيَّةً. اللَّهُمَّ سَلِّمْ
 بِلَادَنَا مِنَ الْمُفْسِدِينَ وَطَهِّرْهَا مِنَ الْمُتَطَرِّفِينَ وَوَقِّفْنَا جَمِيعًا لِبَطَاعَتِكَ وَطَاعَةِ رَسُولِكَ
 مُحَمَّدٍ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ وَطَاعَةِ مَنْ أَمَرْنَا بِطَاعَتِهِ.

Ya Allah, kami memohon agar dengan rahmat dan perlindungan Mu, negara kami ini dan seluruh rakyatnya dikekalkan dalam keamanan dan kesejahteraan. Tanamkanlah rasa kasih sayang dan kekalkanlah perpaduan di kalangan kami. Semoga dengannya kami sentiasa hidup aman damai, sejahtera dan selamat sepanjang zaman.

﴿ رَبَّنَا لَا تُزِغْ قُلُوبَنَا بَعْدَ إِذْ هَدَيْتَنَا وَهَبْ لَنَا مِنْ لَدُنْكَ رَحْمَةً إِنَّكَ أَنْتَ الْوَهَّابُ ﴾
 ﴿ رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴾
 عِبَادَ اللَّهِ، ﴿ إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَى وَيَنْهَى
 عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴾
 فَادْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ، وَاشْكُرُوهُ عَلَى نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ
 يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.